

CNS3648

R GB 05-07 00155 BA850

bah

JETI PONTON MUNGKIN DIGUNAKAN DI KAWASAN BERLUMPUR

Mahathir-ponton

KUALA KEDAH, 5 Julai (Bernama) -- Jeti ponton untuk digunakan oleh nelayan dan bot lain mungkin dibina di kawasan pantai berlumpur sekiranya kosnya lebih murah daripada menambun tanah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata, jika kajian mendapati kos itu lebih menjimatkan, jeti seumpama itu mungkin boleh dibina di seluruh negara oleh sektor swasta.

Bagaimanapun, katanya, tinjauannya hari ini ke projek percubaan jeti ponton +Uniflote+ di sini mendapati belanja bagi membina jeti seumpama itu agak mahal juga.

Beliau memberitahu pemberita selepas melawat projek itu bahawa penggunaan jeti ponton sedang dikaji untuk mengatasi masalah membina jeti di kawasan pantai berlumpur kerana seluruh kawasan pantai barat negara berkeadaan begitu.

+Kadang-kadang sampai lapan kilometer baru sampai air dalam. Jadi, kalau kita tambun sampai lapan kilometer mungkin mahal,+ katanya. -- Lagi

▼05/07/11-18MST

CNS3649

R GB 05-07 00163 BA851

bah

Mahathir-ponton 2 Kuala Kedah

Katanya, jeti yang biasanya digunakan oleh nelayan sekarang, yang menggunakan tiang pokok nibung, walaupun agak murah tetapi ia selalu rosak dan perlu dibaiki dari masa ke semasa.

Dr Mahathir diiringi oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri, Datuk Haji Zakaria Said, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Berjaya Corporation, Tan Sri Vincent Tan melawat jeti itu selama 30 minit.

Dr Mahathir, Haji Osman, dan Tan kemudian berlepas dengan helikopter ke Langkawi untuk melawat projek-projek pembangunan di sana.

Jeti ponton +Uniflote+ itu, yang dibina oleh Berjaya Corporation dengan kos kira-kira \$500,000, siap kira-kira dua bulan lepas dan sedang diuji kemampuannya.

Encik E.N.Niotis, Pengarah Urusan Construction Products Sdn Bhd, syarikat pembekal ponton itu, memberitahu pemberita, pembinaan ponton itu menggunakan teknologi British dan ia kini digunakan dengan meluas di Eropah, Amerika Syarikat dan Afrika Tengah. -- Lagi

▼05/07/11-24MST

CNS3650

R GB 05-07 00079 BA852

bah

Mahathir-ponton 3 (Akhir) Kuala Kedah

Katanya, kos membina ponton +Uniflote+ lebih murah daripada menggunakan ponton jenis lain dan ia boleh meriampung berat sehingga 32 tan.

Niotis, rakyat Greece, berkata, semua komponen yang digunakan bagi membina jeti itu di sini diimport dari England tetapi syarikatnya masih dalam peringkat rundingan dengan Malaysia Shipyard Engineering (MSE) di Pasir Gudang, Johor Baharu, mengenai kemungkinan membina komponen dan ponton itu di negara ini. -- Bernama

▼05/07/11-26MST